

08 JAN 1999

PM LANCAR JELAJAH MISTERI CINTAI MALAYSIA 26 FEB INI

KUALA TERENGGANU, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan program Jelajah Misteri Cintai Malaysia `99 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), 26 Feb ini.

Pengerusi projek Zein Isma Ismail yang juga anggota Exco Pemuda berkata, projek yang berkonsepkan ekspedisi mencari harta karun itu akan berlangsung dari 8 hingga 11 April depan dan mempunyai mesej jelas iaitu Cintai Negara dan semangat Malaysia Boleh.

Sehubungan itu Pemuda UMNO Malaysia akan menyediakan sebanyak 3 juta jalur gemilang untuk dilekatkan pada kereta sepanjang projek Jelajah Misteri Cintailah Malaysia `99.

"Lebih tiga juta rakyat dari segenap lapisan masyarakat akan menerima faedah daripada program turun padang seperti lawatan amal dan aktiviti gotong royong di samping pelbagai pameran," katanya di majlis taklimat kepada Pergerakan Pemuda Umno Bahagian seluruh Terengganu di sini, semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Setiausaha Badan Perhubungan Umno bahagian, Datuk Dr Tengku Mahmud Mansor dan Ketua Pergerakan Pemuda Umno negeri, Rahin Mohd Said.

Beliau berkata lebih 1,200 peserta membabitkan 300 kenderaan buatan Malaysia akan menyertai jelajah yang mempunyai strategi penting menyemarakkan semangat dan kesetiaan rakyat terhadap negara.

Beliau juga meminta semua peserta yang menyertai program itu supaya menyerahkan borang penyertaan kepada pihak urusetia sebelum 15 Feb depan.

-- BERNAMA

AYB PR